

Title	Salah faham tentang zakat
Author	Ustaz Mohammed Irwan Shah Sudiman
Publication	Berita Harian, 16 June 2016, Page 11
URL	http://www.beritaharian.sg/setempat/salah-faham-tentang-zakat

"MANA boleh! Kenapa kawan saya apabila bayar zakat beliau diberikan beg, tetapi apabila saya bayar tidak diberikan apa-apa," bentak Amran.

"Maaf encik, beg sagu hati itu telah kehabisan. Semuanya telah diberikan kepada jemaah," balas Mariam selaku amil zakat.

"Kalau saya tahu, saya tidak bayar zakat saya di sini, jumlah zakat saya banyak, bukannya sedikit! Tak guna betullah awak ini!" Amran mengeraskan suaranya sambil meninggalkan masjid dengan wajah masam.

Kata-kata Amran yang kesat itu terngiang-ngiang di telinga Mariam sehinggakan beliau sangat terkesan dengan apa yang berlaku. Beliau kemudiannya merujuk perkara itu kepada seorang ustaz.

RUKUN ISLAM YANG PENTING

Mengeluarkan zakat adalah tuntutan agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim. Ia merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang penting. Namun, terdapat beberapa salah faham dalam kalangan sebahagian anggota masyarakat dalam menunaikan tanggungjawab ini yang perlu dikongsi.

Ramai yang menganggap apabila mereka mengeluarkan zakat, mereka seharusnya mendapat sesuatu pulangan yang baik dari tempat yang ditunaikan, sama ada dalam bentuk harta ataupun lainnya. Mungkin perkara ini timbul apabila perkataan 'membayar zakat' sering digunakan oleh ramai antara kita. Walaupun pada zahirnya kelihatan tiada perbezaan dengan perkataan mengeluarkan atau menunaikan, pada hakikatnya ia memberi kesan pada cara seseorang itu berfikir dan bertindak.

Umumnya, apabila seseorang membayar sesuatu, maka di situ terdapat transaksi pertukaran sesuatu dengan sesuatu, sama ada kedua-duanya dalam bentuk harta ataupun manfaat yang boleh dilihat atau dirasakan oleh pancaindera. Sebagai contoh yang mudah ialah transaksi jual beli harian kita.

Ini berbeza daripada ibadah zakat. Pengertian zakat dari segi syarak ialah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu, yang wajib diberikan kepada golongan tertentu apabila cukup syarat yang ditentukan.

Maka mengeluarkan atau menunaikan zakat tidak mewajibkan orang yang mengeluarkannya mendapat sesuatu manfaat yang berbentuk harta yang boleh dirasai oleh pancainderanya daripada yang menerimanya. Ini kerana menunaikan zakat tidak sama dengan transaksi jual beli dari segi manfaat yang bakal diraih oleh yang mengeluarkannya. Jika jual beli dapat dilihat pulangnya dengan segera melalui pancainderanya, pulangan zakat tidaklah seperti itu.

Satu perkara yang penting yang perlu diingatkan dan disedarkan adalah zakat merupakan ibadah seorang hamba kepada Penciptanya sama seperti ibadah solat, puasa, haji dan seumpamanya.

Maka apabila seorang hamba menunaikan ibadah solatnya sebagai contoh, pastinya orang itu tidak boleh mengharap pulangan dalam bentuk harta apabila selesai menunaikannya.

Begitu juga dengan ibadah yang lain, orang itu juga tidak layak menuturkan sesuatu yang tidak baik atau timbul rasa marah apabila yang diinginkan belum tercapai.

Sebaliknya, beliau perlu fahami dan sedari bahawa ibadah yang dilakukan itu adalah tanggungjawab dan kewajipan yang perlu dilaksanakan olehnya dan setiap Muslim.

Adapun dari segi ganjaran pula, hanya Allah swt yang layak memberikan ganjarannya dari pelbagai sudut dan ruang mengikut keyakinan dan keikhlasan pengamal itu bersesuaian dengan penilaian Allah swt.

Jika dilihat perintah mendirikan solat dan mengeluarkan zakat yang terakam di dalam Al-Quran, kita akan dapati bahawa ia sering kali berganding antara satu sama lain.

Ini antara lain mengajar umat manusia bahawa mendirikan solat adalah lambang hubungan baik seseorang itu dengan Allah swt yang menciptakannya, sedangkan mengeluarkan zakat adalah lambang hubungan baik seseorang itu dengan sesama manusia.

HUBUNGAN SESAMA INSAN

Umat Islam diperintahkan agar beribadah kepada Allah swt secara ikhlas sambil melakukan hubungan baik dengan Allah swt yang boleh dilihat melalui ibadah solatnya dan juga berhubungan baik sesama manusia yang boleh dilihat melalui ibadah zakatnya.

Maka akan cacatlah hubungan baiknya sesama manusia yang dapat dilihat melalui ibadah zakatnya apabila dia mencemarakannya dengan kata-kata yang tidak baik, perbuatan yang tidak sopan atau tingkah laku yang tidak menyenangkan orang yang berkaitan seperti dalam senario pada permulaan penulisan ini.

Di sini terpancarlah juga kesempurnaan agama Islam. Ia bukan sahaja mementingkan hubungan yang baik bersama Allah swt, malah pada waktu yang sama hubungan baik sesama manusia.

Dari sudut yang lain, yang terkadang-kadang di salah fahami yang perlu ditekankan bahawa harta yang ada pada seseorang itu pada hakikatnya bukanlah miliknya sepenuhnya. Sebaliknya, ia hanya merupakan amanah yang Allah swt berikan kepadanya.

Oleh sebab itu, di dalam Al-Quran, Surah Al-Maun, dalam rangka Allah swt mengkhabarkan tandatanda orang yang mendustakan hari kemudian, Allah swt berfirman pada ayat ketiga yang mafhumnya:

"... dan tidak menganjurkan makanannya orang miskin."

Ayat tersebut tidak menggunakan perkataan ith'am (memberi makan), tetapi tha'am (makanan) agar setiap orang yang menganjurkan atau memberi itu tidak merasakan bahawa ia telah memberi makan orang yang memerlukan.

Sebaliknya, makanan yang mereka anjurkan atau berikan itu, walaupun zahirnya diambil daripada simpanan yang 'dimiliki' mereka, pada hakikatnya apa yang diberikannya itu bukanlah milik mereka tetapi sebenarnya hak milik orang miskin itu.

Hanya sahaja hak milik orang miskin itu atau makanannya tidak ada bersama mereka sebaliknya berada di tangan si pemberi. Dan ini dapat menyedarkan dan menginsafkan kita bahawa pada harta yang ada di tangan kita ini sebenarnya terdapat juga harta orang lain yang perlu dikeluarkan dan diberikannya.

Pada waktu yang sama, beruntunglah sesiapa yang diberikan kelebihan harta sehingga harta itu dapat membantunya menunaikan zakat dan mendapat ganjaran daripada Allah swt, bersesuaian dengan kejayaannya melalui ujian daripada Allah swt melalui hartanya itu.

LAPAN ASNAF YANG LAYAK TERIMA ZAKAT

Satu lagi salah faham yang biasanya timbul dalam menunaikan zakat adalah dari segi penerimanya.

Ramai yang hanya memberi tumpuan pada golongan yang menerima itu lebih kepada fakir dan miskin sahaja sedangkan di dalam Al-Quran, dalam surah At-Taubah ayat 60, Allah swt menjelaskan ada lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat, yang mafhumnya:

"Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir dan orang miskin serta amil yang menguruskannya, dan orang muafak yang dijinakkan hatinya, dan hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

Melalui ayat ini dapatlah difahami dengan jelas akan golongan yang layak menerima zakat.

Jika dikaitkan dengan Surah Al-Maun pula, dapat juga kita fahami bahawa kecaman daripada Allah swt juga boleh tertuju kepada mereka yang memberikan bantuan apabila bantuan yang diberikannya itu tidak mengenai sasaran yang dikehendaki Allah swt.

Ini boleh berlaku apabila seseorang yang memberikan bantuan kepada sesuatu golongan, tetapi di sebalik pemberiannya itu orang itu mengharap pulangan sesuatu. Dia tidak mahu memberikan kepada sesuatu golongan yang lain kerana tidak terdapat sesuatu yang diharapkan daripada mereka. Ini perlu sangat diberikan perhatian dalam menjaga adab dan syaratnya agar terlaksana dan sempurna rukun Islam kita.

KEBAIKAN BAYAR ZAKAT

Pastinya, orang yang membelanjakan hartanya melalui zakat atau sedekah ikhlas kerana Allah swt sambil memelihara adab yang zahir dan adab yang batin akan mendapat pelbagai kebaikan seperti yang dikhabarkan oleh Allah swt melalui banyak ayat di dalam Al-Quran, juga yang dikhabarkan oleh Rasulullah saw di dalam hadisnya.

Namun, berpadalah dikongsikan secara umum antara kelebihan membelanjakan harta kerana Allah swt dalam batasan ruangan ini.

Antara lain, ia dapat menambahkan kekayaan, menambahkan kebaikan dan kemakmuran dunia akhirat, mengundang kasih dan rahmat Allah swt, menjamin kejayaan di dunia dan akhirat, dapat menyelamatkan diri daripada seksaan azab.

Allah swt berfirman dalam Surah Saba' ayat 39 yang mafhumnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): 'Sesungguhnya Tuhanku memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-Nya, dan ia juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dialah jua sebaik-baik pemberi rezeki.'"

Akhir sekali, dalam usaha kita ingin meningkatkan keagamaan dalam kehidupan kita, hendaklah kita ingat keagamaan yang sebenar haruslah ada hubungan yang baik dengan Allah swt, dan harus ada hubungan yang baik sesama manusia.

Hubungan baik bersama Allah swt tercermin melalui ibadah solat dan hubungan baik sesama manusia tercermin melalui zakat atau sedekah.

Tiada baiknya seseorang yang tidak solat dan berzakat. Maka peliharalah baik-baik keduanya itu demi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Penulis Imam Masjid Kassim. Rencana ini diterbitkan dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Salah faham tentang zakat

► **USTAZ MOHAMMAD IRWAN SHAH SUDIMAN**

"MANA boleh! Kenapa kawan saya apabila bayar zakat beliau diberikan beg, tetapi apabila saya bayar tidak diberikan apa-apa," bentak Amran.

"Maaf encik, beg sagu hati itu telah kehabisan. Semuanya telah diberikan kepada jemaah," balas Mariam selaku amil zakat.

"Kalau saya tahu, saya tidak bayar zakat saya di sini, jumlah zakat saya banyak, bukannya sedikit! Tak guna betulhlah awak ini!" Amran mengeraskan suaranya sambil meninggalkan masjid dengan wajah masam.

Kata-kata Amran yang kesat itu terganggu ngiang di telinga Mariam sehinggalah beliau sangat terkesan dengan apa yang berlaku. Beliau kemudiannya merujuk perkara itu kepada seorang ustaz.

RUKUN ISLAM YANG PENTING

Mengeluarkan zakat adalah tuntutan agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim. Ia merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang penting. Namun, terdapat beberapa salah faham dalam kalangan sebahagian anggota masyarakat dalam menunaikan tanggungjawab ini yang perlu dikongsi.

Ramai yang menganggap apabila mereka mengeluarkan zakat, mereka seharusnya mendapat sesuatu pulangan yang baik dari tempat yang ditunaikan, sama ada dalam bentuk harta ataupun lainnya. Mungkin perkara ini timbul apabila perkataan 'membayar zakat' sering digunakan oleh ramai antara kita. Walaupun pada zahirnya kelihatan tiada perbezaan dengan perkataan mengeluarkan atau menunaikan, pada hakikatnya ia memberi kesan pada cara seseorang itu berfikir dan bertindak.

Umumnya, apabila seseorang membayar sesuatu, maka di situ terdapat transaksi pertukaran sesuatu dengan sesuatu, sama ada kedua-duanya dalam bentuk harta ataupun manfaat yang boleh dilihat atau dirasai oleh pancaindera. Sebagai contoh yang mudah ialah transaksi jual beli harian kita.

Ini berbeza daripada ibadah zakat. Pengertian zakat dari segi syarak ialah kadar tertentu yang diambil daripada sebahagian harta tertentu, yang wajib diberikan kepada golongan tertentu apabila cukup syarat yang ditentukan.

Maka mengeluarkan atau menunaikan zakat tidak mewajibkan orang yang mengeluarkannya mendapat sesuatu manfaat yang berbentuk harta yang boleh dirasai oleh pancainderanya daripada yang menerimanya. Ini kerana menunaikan zakat tidak sama dengan transaksi jual beli dari segi manfaat yang bakal diraih oleh yang mengeluarkannya.

Jika jual beli dapat dilihat pulangnya dengan segera melalui pancainderanya, pulangan zakat tidaklah seperti itu.

Satu perkara yang penting yang perlu diingatkan dan disedarkan adalah zakat merupakan ibadah seorang hamba kepada Penciptanya sama seperti ibadah solat, puasa, haji dan sesempurnanya.

Maka apabila seorang hamba menunaikan ibadah solatnya sebagai contoh, pastinya orang itu tidak boleh mengharapkan pulangan dalam bentuk harta apabila selesai menunaikannya.

Begitu juga dengan ibadah yang lain, orang itu juga tidak layak menuntut sesuatu yang tidak baik atau timbul rasa marah apabila yang diinginkan belum tercapai.

Sebaliknya, beliau perlu fahami dan sedari bahawa ibadah yang dilakukan itu adalah tanggungjawab dan kewajipan yang perlu dilakukannya olehnya dan setiap Muslim.

Adapun dari segi ganjaran pula, hanya Allah *swt* yang layak memberikan ganjarannya dari pelbagai sudut dan ruang mengikut keyakinan dan keikhlasan pengamal itu berseesuaian dengan penilaian Allah *swt*.

Jika dilihat perintah mendirikan solat dan mengeluarkan zakat yang terakam di dalam Al-Quran, kita akan dapati bahawa ia sering kali berganding antara satu sama lain.

Ini antara lain mengajar umat manusia bahawa mendirikan solat adalah lambang hubungan baik seseorang itu dengan Allah *swt* yang menciptakannya, sedangkan mengeluarkan zakat adalah lambang hubungan baik seseorang itu dengan sesama manusia.

HUBUNGAN SESAMA INSAN

Umat Islam diperintahkan agar beribadah kepada Allah *swt* secara ikhlas sambil melakukan hubungan baik dengan Allah *swt* yang boleh dilihat melalui ibadah solatnya dan juga berhubungan baik sesama manusia yang boleh dilihat melalui ibadah zakatnya.

Maka akan cacatlah hubungan baiknya sesama manusia yang dapat dilihat melalui ibadah zakatnya apabila dia mencemarakannya dengan kata-kata yang tidak baik, perbuatan yang tidak sopan atau tingkah laku yang tidak menyenangkan orang yang berkaitan seperti dalam senario pada permulaan penulisan ini.

Di sini terpancarlah juga kesempurnaan agama Islam. Ia bukan sahaja mementingkan hubungan yang baik bersama Allah *swt*, malah pada waktu yang sama hubungan baik sesama manusia.

Dari sudut yang lain, yang terkadang-kadang di salah fahami yang perlu ditekankan bahawa harta yang ada pada seseorang itu pada hakikatnya bukanlah miliknya sepenuhnya. Sebaliknya, ia hanya

merupakan amanah yang Allah *swt* berikan kepadanya.

Oleh sebab itu, di dalam Al-Quran, Surah Al-Maun, dalam rangka Allah *swt* mengkhabarkan tanda-tanda orang yang mendustakan hari kemudian, Allah *swt* berfirman pada ayat ketiga yang maftuhnya: "... dan tidak mengunjurkan maknanya orang miskin."

Ayat tersebut tidak menggunakan perkataan *ith'am* (memberi makan), tetapi *tha'am* (makanan) agar setiap orang yang mengunjurkan atau memberi itu tidak merasakan bahawa ia telah memberi makan orang yang memerlukan.

Sebaliknya, makanan yang mereka unjurkan atau berikan itu, walaupun zahirnya diambil daripada simpanan yang 'dimiliki' mereka, pada hakikatnya apa yang dibenikannya itu bukanlah milik mereka tetapi sebenarnya hak milik orang miskin itu.

Hanya sahaja hak milik orang miskin itu atau maknanya tidak ada bersama mereka sebaliknya berada di tangan si pemberi. Dan ini dapat menyedarkan dan menginsafkan kita bahawa pada harta yang ada di tangan kita ini sebenarnya terdapat juga harta orang lain yang perlu dikeluarkan dan dibenikannya.

Pada waktu yang sama, beruntunglah sesiapa yang diberikan kelebihan harta sehingga harta itu dapat membantunya menunaikan zakat dan mendapat ganjaran daripada Allah *swt*, berseesuaian dengan kejayaannya melalui ujian daripada Allah *swt* melalui hartanya itu.

LAPAN ASNAF YANG LAYAK TERIMA ZAKAT

Satu lagi salah faham yang biasanya timbul dalam menunaikan zakat adalah dari segi penerimaannya.

Ramai yang hanya memberi tumpuan pada golongan yang menerima itu lebih kepada fakir dan miskin sahaja sedangkan di dalam Al-Quran, dalam surah At-Taubah ayat 60, Allah *swt* menjelaskan ada lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat, yang maftuhnya:

"Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir dan orang miskin serta amil yang menguruskannya, dan orang muaf yang dijinakkan hatinya, dan hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana."

Melalui ayat ini dapatlah difahami dengan jelas akan golongan yang layak menerima zakat.

Jika dikaitkan dengan Surah Al-Maun pula, dapat juga kita faham

mi bahawa kecaman daripada Allah *swt* juga boleh tertuju kepada mereka yang memberikan bantuan apabila bantuan yang diberikannya itu tidak mengenai sasaran yang dikehendaki Allah *swt*.

Ini boleh berlaku apabila seseorang yang memberikan bantuan kepada sesuatu golongan, tetapi di sebaliknya pemberian itu orang itu mengharapkan pulangan sesuatu. Dia tidak mahu memberikan kepada sesuatu golongan yang lain kerana tidak terdapat sesuatu yang diharapkan daripada mereka. Ini perlu sangat diberikan perhatian dalam menjaga adab dan syaratnya agar terlaksana dan sempurnalah rukun Islam kita.

KEBAIKAN BAYAR ZAKAT

Pastinya, orang yang membelanjakan hartanya melalui zakat atau sedekah ikhlas kerana Allah *swt* sambil memelihara adab yang zahir dan adab yang batin akan mendapat pelbagai kebaikan seperti yang dikehendaki oleh Allah *swt* melalui banyak ayat di dalam Al-Quran, juga yang dikehendaki oleh Rasulullah *saw* di dalam hadisnya.

Namun, berpadalah dikongsi secara umum antara kelebihan membelanjakan harta kerana Allah *swt* dalam batasan ruangan ini.

Antara lain, ia dapat menambahkan kekayaan, menambahkan kebaikan dan kemakmuran dunia akhirat, mengundang kasih dan rahmat Allah *swt*, menjamin kejayaan di dunia dan akhirat, dapat menyelamatkan diri daripada seksaan azab.

Allah *swt* berfirman dalam Surah Saba' ayat 39 yang maftuhnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya Tuhanmu mewahabkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-Nya, dan ia juga yang menyempitkannya baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dialah Jua sebaik-baik pemberi rezeki."

Akhir sekali, dalam usaha kita ingin meningkatkan keagamaan dalam kehidupan kita, hendaklah kita ingat keagamaan yang sebenar haruslah ada hubungan yang baik dengan Allah *swt*, dan harus ada hubungan yang baik sesama manusia.

Hubungan baik bersama Allah *swt* tercermin melalui ibadah solat dan hubungan baik sesama manusia tercermin melalui zakat atau sedekah.

Tiada balainya seseorang yang tidak solat dan berzakat. Maka peliharalah baik-baik kedua-duanya itu demi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

► Penulis Imam Masjid Kassim. Rencana ini diterbitkan dengan kerjasama Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS).